

(Untuk Kegunaan Orang Bukan Islam Sahaja)

Duta Arab Saudi Bertemu dengan Pemimpin Atasan Gereja

Puteri Reema Membuat Lawatan Kedua ke Ibu Pejabat Gereja

Duta Arab Saudi ke Amerika Syarikat, Puteri Reema binti Bandar Al Saud, bertemu dengan pemimpin atasan di ibu pejabat Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir pada 8 dan 9 Ogos 2022. Ini adalah kali kedua duta itu melawat ibu pejabat global Gereja.

Duta itu telah bertemu dengan Presidensi Utama Gereja: Presiden Russell M. Nelson, Presiden Dallin H. Oaks dan Presiden Henry B. Eyring. Puteri Reema turut disambut oleh Elder David A. Bednar dari Kuorum Dua Belas Rasul dan Elder Anthony D. Perkins, presiden Gereja Kawasan Timur Tengah/Afrika Utara.



President Russell M. Nelson bercakap kepada Duta Arab Saudi Puteri Reema di Salt Lake City pada 9 Ogos.

2022 by Intellectual Reserve, Inc. All rights reserved.

Kumpulan itu membincangkan kemanusiaan yang kita kongsi bersama sebagai anak Tuhan dan keperluan untuk mengekalkan nilai agama dalam dunia yang berubah. Puan Yang Terutama memuji risalah baharu yang dihasilkan oleh Gereja yang dipanggil "Muslims and Latter-day Saints: Beliefs, Values, and Lifestyles" sebagai cara yang berkesan untuk mendidik penganut agama lain.

Duta itu juga pernah melawat Utah pada Mac 2020 dan bercakap tentang penghargaannya terhadap negeri itu.

"Walaupun jaraknya beribu-ribu batu, Kerajaan Arab Saudi dan Utah berkongsi banyak persamaan, sebahagian daripadanya adalah komuniti berasaskan kepercayaan," katanya. "Iman memberi kita peluang untuk melaksanakan kesamaan, kasih ihsan, dan inisiatif berasaskan komuniti. Ia adalah cara hidup kami di Kerajaan Arab Saudi, dan saya nampak persamaan di sini di Utah."

Satu lagi topik perbincangan ialah keperluan untuk toleransi agama. Ini adalah subjek penting untuk para pemimpin Gereja, yang berkongsi mesej ini di seluruh dunia. Pada bulan Julai, Presiden Oaks berucap di persidangan Katolik di Rom dan menyeru usaha global untuk melindungi kebebasan beragama untuk semua orang. Pada bulan Mei, Elder Perkins mengambil bahagian dalam persidangan agama yang penting in Riyadh yang di panggil sebagai Forum on Common Values Among Religious Followers (Forum Nilai Bersama di Kalangan Penganut Agama).

Duta itu juga meluangkan masa satu jam berucap dengan para pemimpin wanita atasan Gereja: Presiden Umum Lembaga Pertolongan Camille N. Johnson, Presiden Umum Remaja Puteri Bonnie H. Cordon dan Presiden Umum Sekolah Primer Susan H. Porter. Para wanita itu membincangkan keperluan untuk mengukuhkan iman remaja dan kanak-kanak serta peranan wanita dalam kumpulan agama.

"Saya pikir ia sangat baik untuk wanita tahu bahawa, ya, anda adalah sebahagian daripada pekerjaan ini," kata Puteri Reema. "Saya percaya wanita harus mempunyai setiap peluang. Apa sahaja yang mereka pilih — kita harus sokong mereka."

Puteri Reema berkata bahawa dia menggalakkan orang dewasa muda dari Arab Saudi untuk bekerja atau belajar di Utah.

"Kami adalah negara yang sangat bangga dengan kepercayaan kami," katanya.

"Landasan itu membina semangat kemasyarakatan yang kuat. Itulah yang benar-benar membolehkan komuniti kita berhubung dengan komuniti berasaskan kepercayaan lain. Itulah sebabnya saya sangat teruja untuk anak muda kami datang ke sini [ke Utah]. Ia adalah tempat yang bagus untuk mereka."

Duta itu berkata bahawa membina hubungan dengan orang dari semua agama adalah penting baginya.

"Kami dengan teguh percaya bahawa kesalinghubungan individu berasaskan kepercayaan adalah perkara yang akan menyelamatkan masa depan kita," dia berkata. "Saya teruja untuk bertemu dengan para pemimpin wanita lain hari ini yang menggunakan platform mereka untuk memperkasakan wanita dan memberi mereka sumber dan peluang untuk berjaya."

Ketiga-tiga penguasa umum juga bersyukur atas peluang untuk berhubung dengan duta itu.

"Ia adalah pengalaman yang berharga untuk bertemu dengan Puteri Reema," kata Presiden Johnson. "Dia berani, pandai berkata dan tenang. Saya gembira untuk tahu kita berkongsi kepercayaan bahawa kita semua adalah anak Tuhan, saudara dan saudari yang lebih serupa daripada berbeza."

Presiden Cordon berkata, "Duli Yang Teramat Mulia Puteri Reema ialah duta besar untuk Kerajaan Arab Saudi. Dia mempunyai kurnia untuk mengiktiraf dan memupuk kekuatan negaranya yang bergema di sini di Amerika Syarikat — terutama kepercayaan, kebebasan dan keluarga. Puteri Reema adalah kuasa untuk kebaikan dan mempunyai visi tentang perkara yang kita boleh lakukan apabila kita bekerjasama dan memberi tumpuan kepada banyak perkara yang kita ada persamaan."

"Ia adalah satu berkat yang besar untuk bertemu dengan Puteri Reema," kata Presiden Porter. "Dia terlibat dalam banyak usaha penting, termasuk membina perantara dengan penganut agama lain dan bekerjasama dengan para wanita untuk membantu mereka menemui identiti dan kurnia mereka. Kemesraan dan kecerdasannya telah membantunya menemui kunci untuk membuka pintu dan memudahkan pemahaman. Pada akhir perbincangan kami, kami berasa seperti kawan."

Puteri Reema bertemu dengan Presidensi Utama dalam lawatan sebelumnya di Salt Lake City pada Mac 2020. Pada masa itu, dia juga melawat Pusat Kemanusiaan Gereja dan tahu tentang usaha Gereja untuk membantu mereka yang memerlukan di seluruh dunia.